

15/12/1997

Rimba Takwa sesuai untuk berkhemah

Abdullah Abdul Rahman

KEINDAHAN alam semula jadi yang diselang-seli keriuhan suara unggas pasti akan menggamit orang ramai untuk berkunjung ke Rimba Takwa, di daerah Sik Kedah.

Rimba Takwa, yang namanya diilhamkan Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, turut menyediakan pelbagai kemudahan asas kepada pengunjung, terutama badan sukarela yang ingin mengadakan perkhemahan sempena musim cuti.

Antara kemudahan itu ialah dewan terbuka, trek berjalan kaki, chalet, bilik persalinan, surau, kawasan perkhemahan, gerai perniagaan, pentas terbuka, air terjun dan kolam mandi.

Rimba Takwa yang terletak di kawasan seluas kira-kira lima hektar berhampiran Hutan Simpan Bukit Enggang, tiga kilometer dari pekan Sik, pasti memberi keseronokan kepada pengunjung.

Kawasan berkenaan sangat sesuai dijadikan tempat istirehat pada musim cuti atau cuti hujung minggu. Sebelum ini kawasan itu dikenali sebagai Taman Perangin dan mula diperkenalkan sebagai tempat rekreasi pada 1967.

Kawasan itu juga menjadi tapak pelancaran Program Setia Bersama Rakyat (Semarak) peringkat negeri Kedah yang dilancarkan pada 27 Ogos 1988 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagi menepati kehendak Menteri Besar, Taman Perangin diubah suai menjadi Rimba Takwa dan sedang dalam proses pengubahsuaian, termasuk pembinaan tambahan beberapa chalet dan kemudahan lain yang diperlukan oleh pengunjung.

Dalam usaha menjadikan Rimba Takwa lebih menarik, Pejabat Daerah Sik dengan kerjasama Jabatan Perhutanan turut memasang beberapa potongan maksud surah al-Quran dan Hadis di setiap batang pokok di situ.

Selain berfungsi sebagai tempat perkemahan, Rimba Takwa juga menjadi taman ilmu kepada pengunjung terutama kepada mereka yang ingin membuat kajian mengenai tumbuhan Hutan Tropika.

Gabungan pelbagai jenis tumbuhan Tropika yang sedia ada dan kejernihan air mengalir di celah-celah batu di sungai menjadikan Rimba Takwa bertambah menarik dan sesuai dikunjungi pelbagai golongan.

Pegawai Daerah Sik, Abdul Rahman Ahmad, berkata kerajaan memperuntukkan kira-kira RM1.8 juta termasuk penyediaan lanskap serta pembinaan chalet berkembar, gelungsur air, pancutan air dan kolam renang.

Selain itu, katanya, beberapa kemudahan lain juga turut disediakan termasuk jambatan gantung, menara pandang (bagi kemudahan pengunjung meninjau kawasan sekitar), dewan seminar dan restoran.

Beliau berkata, setakat ini kerja meningkatkan kemudahan asas di kawasan berkenaan seperti menyediakan pentas terbuka, pancutan air, menurap jalan, menanam pokok bunga dan pembesaran kolam renang sedang giat dilaksanakan oleh kontraktor.

Mengenai masa depan Rimba Takwa, Abdul Rahman, berkata pihaknya akan berusaha supaya kawasan itu menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara seperti pusat pelancongan lain di Kedah.

"Kita yakin melalui penyediaan kemudahan asas dan kerjasama daripada semua pihak, usaha menjadikan Rimba Takwa sebagai satu lagi pusat pelancongan di Kedah akan tercapai," katanya.

Katanya, Rimba Takwa juga dirancang sebagai nadi pertumbuhan industri pelancongan berasaskan keindahan alam semula jadi di kawasan luar bandar di Kedah.

(END)